UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



SESI 2026/2027

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN DEKAN	I
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)	II
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI	1
LATAR BELAKANG UMT	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL	3
MAKLUMAT AM	4
KEMUDAHAN MAKMAL	5
TUGAS DAN PERANAN MENTOR	7
PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
KETUA PROGRAM PENGAJIAN	11
PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN	12

Kata Alu-aluan Dekan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi Akademik 2026/2027 dapat disempurnakan. Pada sesi ini, FPEPS menawarkan lapan program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA, iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi), Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), Sarjana Muda Perakaunan, Sarjana Muda Kaunseling, Sarjana Muda Kewangan, dan Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim, kesemuanya dengan Kepujian.

Fakulti mengalu-alukan kehadiran anda sebagai warga baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Tahniah kerana terpilih untuk melanjutkan pengajian di FPEPS. Manfaatkanlah peluang ini sebaik-baiknya sepanjang tempoh pengajian dengan komitmen, disiplin dan kesungguhan. Warga fakulti sentiasa bersedia untuk membimbing dan membantu anda mencapai kecemerlangan akademik, sahsiah dan peribadi.

FPEPS komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan berdaya saing yang memenuhi keperluan semasa serta kehendak dunia pekerjaan. Beberapa program turut mendapat pengiktirafan badan profesional, antaranya program Perakaunan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW, CIMA dan CPA Australia, program Kaunseling oleh Lembaga Kaunselor Malaysia, serta program Kewangan oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC). Fakulti juga disokong oleh tenaga akademik yang berkelayakan dan berpengalaman serta jaringan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang membuka ruang kepada pelajar untuk memperluas pengalaman dan jaringan antarabangsa.

Selain pembelajaran di dalam bilik kuliah, pelajar berpeluang menyertai pelbagai aktiviti akademik, kepimpinan, kesukarelawanan, mobiliti dan kokurikulum di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti. Penglibatan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti, program pengajian dan kelab-kelab pelajar akan membantu membentuk kemahiran insaniah, kepimpinan dan profesionalisme yang penting untuk menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda hendaklah sentiasa peka terhadap peraturan akademik serta memanfaatkan sepenuhnya peluang pembelajaran yang disediakan. Gunakan kemudahan dan teknologi digital secara berhemah bagi menyokong pembelajaran anda, di samping sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat apabila diperlukan.

Akhir kata, rancanglah pengajian anda dengan sebaik-baiknya, bina kecemerlangan secara konsisten dan bersedialah menghadapi cabaran serta perubahan dunia semasa. Semoga segala usaha anda membuahkan kejayaan yang memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadikanlah Buku Panduan ini sebagai rujukan sepanjang tempoh pengajian anda di FPEPS.

Selamat maju jaya. Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Nazli bin Aziz
Dekan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER I: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
27/9/2026 – 3/10/2026	**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU JALINAN MESRA**	
MINGGU 1-4 4 – 31/10/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 (Minggu 1 & 2 Sahaja)	
MINGGU 5-7 1 – 21/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur) ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 6 (8 & 9 November 2026)*	**Hari Deepavali** 8/11/2026 (Ahad)
MINGGU 8 22 – 28/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 29/11/2026 – 5/12/2026	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid Minggu 12 (24 Dis 2026) & 13 (27 Dis 2026)*	**Hari Krismas** 25/12/2026 (Jumaat)
MINGGU 14 3 – 9/1/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Israj Mikraj** 6/1/2027 (Rabu)
10 – 16/1/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
MINGGU 15-17 17/1/2027 – 6/2/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Tahun Baru Cina** 6 - 7/2/2027 (Sabtu - Ahad)
7/2/2027 – 6/3/2027	**CUTI ANTARA SEMESTER**	**Tahun Baru Cina (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 8/2/2027 (Isnin) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Rabu) **Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER I: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
27/9/2026 – 3/10/2026	REGISTRATION AND ORIENTATION FOR NEW STUDENTS	
WEEK 1-4 4/10/2026 – 31/10/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study - Application for Credit Transfer for First Year Student (Week 1 & 2 only)	
WEEK 5-7 1 – 21/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop) ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 6 (8 & 9 Nov. 2026)*	
WEEK 8 22 – 28/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop)	
WEEK 9 29/11/2026 – 5/12/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	CLASSES/ LECTURES ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 12 (24 Dec 2026) & 13 (27 Dec 2026)*	**Christmas Day** 25/12/2026 (Friday)
WEEK 14 3 – 9/1/2027	CLASSES/ LECTURES - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Israj Mikraj Holiday** 6/1/2027 (Wednesday)
10 – 16/1/2027	STUDY WEEK	
17/1/2027 – 6/2/2027	FINAL EXAMINATION - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Chinese New Year** 6 – 7/2/2027 (Saturday-Sunday)
7/2/2027 – 6/3/2027	SEMESTER BREAK	**Chinese New Year Holiday** 8/2/2027 (Monday) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Wednesday) **Sultan of Terengganu's Coronation** 4/3/2027 (Thursday)

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1 7 – 13/3/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 1 (7 – 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 5-7 4 – 24/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	**Hari Keputeraan Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Isnin) **Hari Pekerja** 1/5/2027 (Sabtu) **Hari Pekerja (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 2/5/2027 (Ahad)
MINGGU 9 2 – 8/5/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 11 (16 – 22 Mei 2027)*	**Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis) **Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 14 6 – 12/6/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Awal Muharram** 6/6/2027 (Ahad) **Hari Keputeraan YDP Agong** 6/6/2027 (Ahad)
13/6/2027 – 19/6/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER II: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1 7 – 13/3/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly hybridly Classes for Week 1 (7 & 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Wednesday - Thursday)
WEEK 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study	
WEEK 5-7 4 – 24/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	**Birthday Of Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Monday) **Labour Day** 1/5/2027 (Saturday) **Labour Day Holiday** 2/5/2027 (Sunday)
WEEK 9 2 – 8/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP) *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 11 (16-22 May 2027)*	**Arafah Day & Hari Raya Aidiladha** 16 - 18/5/2027 (Sunday -Tuesday) **Wesak Day** 20/5/2027 (Thursday)
WEEK 14 6 – 12/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Awal Muharam** 6/6/2027 (Sunday) **Birthday Of YDP Agong** 7/6/2027 (Monday)
13/6/2027 – 19/6/2027	**STUDY WEEK**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.

Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 25/7/2027– 7/8/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 8 – 14/8/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 15 – 28/8/2027	**KULIAH**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Ahad)
MINGGU 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Hari Kebangsaan** 31/8/2027 (Selasa)
MINGGU 9 5 – 11/9/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SHORT SEMESTER : SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study	
WEEK 3-4 25/7/2027 – 7/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 5 8 – 14/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 6-7 15 – 28/8/2027	**CLASSES/ LECTURES**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Sunday)
WEEK 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Merdeka Day** 31/8/2027 (Tuesday)
5 – 11/9/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-5 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkukuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 8 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

Program	Tahun
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim	3.5


PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KHUSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



MAKLUMAT AM

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	Baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	Lemah
40-44	D	1.00	
< 39	F	0.00	Gagal

SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 - 4.00	Cemerlang	Distinction
2.00 - 3.66	Kepujian	Honours

KEMUDAHAN MAKMAL



MAKMAL KOMPUTER



MAKMAL KAUNSELING









TRADING ROOM

TUGAS DAN PERANAN MENTOR

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**
  - Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**
  - Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**
  - Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**
  - Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**
  - Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktu pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**
  - Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**
  - Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.
- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.
- **Merujuk Kepada Pakar**
  - Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

DRESS CODE

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
- Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata.
- Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-

Berskirt di atas paras lutut	Berseluar jeans
Berbaju T tanpa kolar lengan	Berseluar / berskirt ketat
Berbaju tanpa lengan	Berselipar

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepasi paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

UMT

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU





BAJU KASUAL



BAJU FORMAL



BAJU KORPORAT



BAJU MELAYU / KURUNG



BAJU SUKAN

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Peraturan Etika Berpakaian Pelajar Universiti Malaysia Terengganu boleh mengimbas Kod QR yang tertera

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Seksyen Tajaan dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Terengganu melalui talian 09-6684323

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI



Profesor Madya Dr. Nazli Aziz

Dekan



Profesor Madya Dr Azwadi Ali

Timbalan Dekan (Akademik & HEP)



Profesor Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat

Timbalan Dekan (Siswazah)



Profesor Madya Dr. Zairihan Abdul Halim

Timbalan Dekan (Bakat & Penyelidikan)



Cik Wan Zawati Wan Jaafar

Penolong Pendaftar Kanan



Puan Syahirah Wahida Mohamad

Pegawai Eksekutif 9

KETUA PROGRAM PENGAJIAN

PRA-SISWAZAH



Ketua Program SM Kaunseling

Dr. Raba`Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusof



Ketua Program SM Perakaunan

Dr. Norazlina Ilias



Ketua Program SM Pengurusan (Pemasaran)

Dr. Sarina Ismail



Ketua Program SM Ekonomi (Sumber Alam):

Dr. Muhammad Najit Sukemi



Ketua Program SM Kewangan

Dr. Siti Nurain Muhmad



Ketua Program SM Pengurusan (Pengajian Polisi):

Dr. Norfatiha Othman



Ketua Program SM Pengurusan Pelancongan

Dr. Mohd Rahimi Abdul Halim



Ketua Program SM Psikologi dengan Pengurusan Maritim

Profesor Madya Dr Raja Zirwatul Aida

PASCA-SISWAZAH



Ketua Bidang Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Profesor Madya Dr. Hayatul Safrah Salleh



Ketua Bidang Sarjana Kaunseling

Profesor Madya Dr. Siti Salina Abdullah



Ketua Bidang Sarjana Ekonomi

Profesor Madya Dr.Mahirah Kamaludin



Ketua Bidang Sarjana Pengurusan Zon Pantai Bersepadu

Dr. Aleff Omar Shah Nordin

SENARAI PENSYARAH



Dr Raba'Aton Adawiah Mohd Yusof
Ketua Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
Ph.D. (QUT, Brisbane Australia),
M.Sc (UPM),
Dip Lanjutan Syariah (KUSZA)
Bidang: Kaunseling



Prof Madya Dr. Siti Salina Abdullah
Pengerusi Bidang Kaunseling (Sarjana Kaunseling)
D. Kaunseling (South Australia),
M.Sc. (UPM),
B.Ed. (UPM)
Bidang: Kaunseling



Dr. Fazliyaton Ramley
Ph.D (Victoria University, Melbourne),
M.A. (Western Michigan,USA),
B.Hsc. (Hons) (UIAM)
Bidang: Kaunseling / Psikologi



Prof Madya Dr. Jasmi Abu Talib
Ph.D (UKM),
M.A. (UKM),
S.M. Psikologi dan Komunikasi (UKM)
Bidang: Kaunseling



Dr. Mazidah Mohd Dagang
Ph.D. (UPM),
M. Sc. (UPM),
B. HSc. (UIAM)
Bidang: Kaunseling



Dr. Nor Ezdianie Omar
Ph.D (UTM),
M.Sc. (UPM),
B. Usul (UM)
Bidang: Kaunseling



Dr. Kamarul Md. Shah
Ph.D (UKM),
M.Ed. (UM),
B.Ed. (UPM)
Bidang: Kaunseling



Dr. Zuhda Husain
Ph.D (USM),
M.A (UKM),
S.M. Kaunseling (UMT),
Dip. Pengajian Islam (KUSZA)
Bidang: Kaunseling



Dr. Hazaila Hassan
Ph.D Bimbingan dan Kaunseling (UKM)
M.A Kaunseling (UKM)
B. Counselling (UMT)
Bidang: Kaunseling



Dr. Siti Balqis Md. Nor
Ph.D (UM)
M Sc. (UPM)
B. Counselling (UMT)
Bidang: Kaunseling

SENARAI PENSYARAH



Dr. Suhaili Arifin
Ph.D (UPM)
M.Sc. (UPM)
B.Counseling (UMT)
Bidang: Kaunseling



Dr Nurul Atiqah Ab Raji
PH.D (USM)
M.Ed (UIAM),
B.Ed. (Hons) (UIAM)
Bidang: Kaunseling



Dr Nurul Aini Mudayat
Ph.D (UM)
M.Counselling (UM)
B. Counselling (UM)
Bidang: Kaunseling



Dr Normadiyana Abdullah
Ph.D (UKM)
M.Ed (UPM)
B.Ed (UPM)
Bidang Kaunseling



Dr Mohd Radhi Abu Shahim
Ph.D (UM)
M.Ed. Psychology (UPSI),
S.M. Kaunseling (UMT),
DPLI. Guidance & Counselling (UIAM),
Diploma Psychology (KDH)
Bidang: Kaunseling



Dr Rozita Jayus
Ph.D (UTM)
M. Ed (UTM),
B. Ed (Hons) (UPM)
Bidang: Kaunseling



Dr Anis Fatima Savugathali
Ph.D (UPSI)
M. Ed (UPSI),
B. Ed (Hons) (UNITAR)
Bidang: Kaunseling

PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian adalah bertujuan melahirkan kaunselor yang berkemampuan memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada ahli masyarakat yang memerlukan, merangkumi kaunseling individu, kelompok, pasangan, keluarga, bimbingan serta pelbagai lagi. Program Sarjana Muda Kaunseling ini menjadi satu landasan ke arah melahirkan kaunselor yang kompeten. Program ini telah dirancang mengikut kehendak Akta Kaunselor 1988. Kaunselor yang kompeten ditakrifkan sebagai kaunselor yang memenuhi syarat- syarat dalam latihan kaunselor profesional seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Perkembangan yang sihat ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menambah bilangan kaunselor terlatih sebagaimana yang diwartakan dalam Akta Kaunselor 1998.

Program ini memberi penekanan kepada kemahiran kaunseling dalam sesi individu dan kelompok. Penguasaan kemahiran kaunseling yang cekap membolehkan kaunselor melaksanakan perkhidmatan kaunseling dengan lebih baik dan seterusnya memberikan kesan teraputik kepada klien. Perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan oleh kaunselor adalah berlandaskan prinsip etika dalam perkhidmatan menolong.

SYARAT KEMASUKAN

LEPASAN	SYARAT
STPM	**Syarat Umum** • Kepujian Bahasa Melayu SPM • Lulus Sejarah SPM • Lulus dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setaraf dengannya, dengan • Minimum Gred C dalam DUA mata pelajaran termasuk pengajian Am dengan (GPA 2.00)
	Syarat Khas Program • Mendapat minimum PNGK/CGPA 2.67 • Minimum Gred C pada peringkat STPM dalam mata pelajaran Matematik (M); ATAU • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik; • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; ATAU • MUET Tahap Band 2.5 • Lulus ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan.
STAM	**Syarat Umum** • Kepujian Bahasa Melayu SPM • Lulus Sejarah SPM • Lulus dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) • Gred minimum Jayyid;
	Syarat Khas Program • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik; • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; ATAU • MUET Tahap Band 2.5 • Lulus ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan.
ASASI / MATRIKULASI	**Syarat Umum** • Kepujian Bahasa Melayu SPM

	• Lulus Sejarah SPM • Asasi atau yang setaraf dengannya, dengan PNGK minimum 2.00;
	Syarat Khas Program • Minimum PNGK/CGPA 2.67 • Minimum Gred D dalam mata pelajaran Matematik diperingkat SPM; • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; ATAU • MUET Tahap Band 2.5 • Lulus ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan.
DIPLOMA / SETARAF	**Syarat Umum** • Kepujian Bahasa Melayu SPM • Lulus Sejarah SPM • PNGK minimum 2.00
	Syarat Khas Program • Lulus diploma dan mendapat minimum PNGK/CGPA 2.67 dan ke atas • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik; • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; ATAU • MUET Tahap Band 2.5 • Lulus ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan.
DVM / DLKM / DKM	**Syarat Umum** • PNGK minimum 2.50 • Tertakluk kepada kelulusan Senat / Lembaga Akademik
	Syarat Khas Program • Kepujian Bahasa Melayu SPM / SVM • Lulus Sejarah SPM / SVM **Lepasan SPM** • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik; • Minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; **ATAU** • MUET Tahap Band 2.5

	Lepasan SVM • Minimum PNGK Akademik 2.67 ke atas • Minimum Gred C pada peringkat SVM dalam matapelajaran Matematik 1, 2, 3 dan 4 atau setaraf • Minimum Gred C pada Peringkat SVM dalam matapelajaran Bahasa Inggeris 1, 2, 3 dan 4 atau setaraf ATAU • MUET Tahap Band 2.5 Lulus ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan
INTERNATIONAL STUDENT	Syarat Umum • Minimum 11 ke 12 tahun dalam sistem Pendidikan • 5.0 dalam IELTS ATAU • Band 3 Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET) ATAU yang Setaraf

Jumlah Kredit Untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah **138** jam kredit. Agihan kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	14
Teras Program	106	77
Elektif	12	9
Jumlah	**138**	**100**

Kurikulum Program

Kursus Teras Universiti (Pelajar Tempatan)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra Syarat
MPU3182	Falsafah dan cabaran Semasa	2	
MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa	2	
MPU3152	Integriti dan Antirasuah	2	
MPU3232	Pengenalan kepada Keusahawanan	2	
COM3112	Bahasa Melayu Komunikasi	2	
CCM3012	Santuni Komuniti	2	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	MUET Band 3 dan ke atas
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	
	Kokurikulum	2	
	JUMLAH	**20**	

Kursus Teras Universiti (Pelajar Antarabangsa)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra Syarat
MPU3102	Elementary Malay Language	2	
MPU3162	Malaysian Citra	2	
MPU3152	Integrity and Anti-Corruption	2	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	
BBB3022	The art of public speaking	2	
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	BBB3101 & BBB3102
CCM3112	Community Care	2	
	Kokurikulum	2	
	JUMLAH	**18**	

Kursus Teras Program

Kod	Nama Kursus	Kredit
SMK3033	Tingkah Laku Bilazim	3
SMK3043	Psikologi Kesihatan	3
SMK3053	Psikologi Industri	3
SMK3063	e-Kaunseling	3
SMK3143	Pengantar Psikologi	3
SMK3113	Pengantar Bimbingan dan Kaunseling	3
SMK3123	Psikologi Perkembangan	3
SMK3133	Personaliti Individu	3
SMK3213	Teori Kaunseling Dan Psikoterapi	3
SMK3233	Kaunseling Penyalahgunaan Bahan	3
SMK3243	Kaunseling Personel	3
SMK3254	Kemahiran Asas Kaunseling	4
SMK3263	Makmal Kaunseling Individu I	3
SMK3274	Kaunseling Individu	4
SMK3303	Psikologi Sosial	3
SMK3413	Makmal Kaunseling Kelompok I	3
SMK3434	Kaunseling Kelompok	4
SMK3503	Kaunseling Kerjaya	3
SMK3603	Pengenalan Pengujian Psikologi	3
SMK3713	Penyelidikan Kuantitatif	3
SMK3723	Penyelidikan Kualitatif	3
SMK4203	Kaunseling Keluarga	3
SMK4263	Makmal Kaunseling Individu II	3
SMK4303	Kaunseling Pelbagai Budaya	3
SMK4313	Kesukarelawanan	3
SMK4423	Makmal Kaunseling Kelompok II	3
SMK4503	Maklumat Perkembangan Kerjaya	3
SMK4603	Apraisal Dalam Kaunseling	3
SMK4713	Perundingan Dalam Kaunseling	3
SMK4804	Isu-Isu Etika Dan Perundangan Dalam Kaunseling	4
SMK4979	Internship	9
SMK4963	Praktikum Kaunseling	3
	Jumlah	106

Kursus Elektif Program

Kod	Nama Kursus	Kredit
SMK4983 Atau	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3
SMK3733 SMK4993 atau	Projek Penyelidikan I Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3 3
SMK3743	Projek Penyelidikan II	3
Elektif Elektif		3 3
	Jumlah	12

Objektif pendidikan program (Program Educational Objectives – PEO)

Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian akan menghasilkan;

1. Graduan yang berpengetahuan luas dan berkemahiran dalam mengendalikan sesi kaunseling selaras dengan keperluan komuniti.
2. Graduan yang mempunyai kompetensi dalam kemahiran komunikasi efektif, mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mampu melaksanakan tugasan secara individu dan berkumpulan dengan pelbagai peranan.
3. Graduan yang berkemampuan untuk berfikir secara kritis dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan kaunseling secara beretika serta mampu membuat analisis penggunaan perkhidmatan kaunseling dalam komuniti.
4. Graduan yang berkeupayaan mengaplikasi kemahiran keusahawanan dalam pembelajaran secara berterusan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian.

Hasil Pembelajaran Program

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

- **PLO1 – Pengetahuan & Pemahaman**

  Menguasai ilmu psikologi dan kaunseling secara teoritikal dan praktikal untuk membantu masyarakat.

- **PLO2 – Kemahiran kognitif**

  Berkebolehan berfikir secara kritis dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan pelbagai strategi dalam proses menolong.

- **PLO3 –Kemahiran teknikal/praktikal/psikomotor**

  Berupaya mengendalikan sesi kaunseling menggunakan pelbagai teknik untuk membantu klien menangani pelbagai isu.

- **PLO4 – Kemahiran Interpersonal**

  Berupaya untuk bekerja dalam kumpulan dengan berkesan dan menjadi ahli yang bertanggung jawab dengan pelbagai peranan dan budaya.

- **PLO5 – Kemahiran komunikasi**

  Berkebolehan mengaplikasi kemahiran menolong melalui komunikasi yang efektif.

- **PLO 6 – Kemahiran Digital**

  Mengurus dan mempertingkatkan ilmu kaunseling melalui aplikasi teknologi maklumat.

- **PLO 7 – Kemahiran Numerasi**

  Menggunakan data kuantitatif dan kualitatif dalam membantu untuk menambahbaik pengetahuan

- **PLO8 – Kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab.**

  Berkebolehan mempamerkan sifat-sifat kepimpinan dan berpotensi sebagai ketua dalam pengendalian aktiviti berkumpulan

- **PLO9 – Kemahiran Personal**

  Menunjukkan kesediaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan berkebolehan untuk belajar secara individu dan berkumpulan melalui pelbagai kaedah.

- **PLO10 – Kemahiran keusahawanan**

  Berkebolehan mengenalpasti dan menguasai nilai-nilai keusahawanan dalam mempertingkatkan kompetensi diri dan pembangunan kerjaya masa depan.

- **PLO11 – Nilai, etika, moral dan profesionalisme**

  Mengamalkan sikap profesionalisme berpandukan piawaian dan etika Lembaga Kaunselor.

SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN
SESI 2026/2027

SEMESTER 1				SEMESTER 2			
KOD	**KURSUS**	**JAM KREDIT**	**PRA SYARAT**	**KOD**	**KURSUS**	**JAM KREDIT**	**PRA SYARAT**
MPU3232	Pengenalan kepada Keusahawanan	2(2+0)		BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	
SMK3143	Pengantar Psikologi	3(3+0)		SMK3123	Psikologi Perkembangan	3(3+0)	
SMK3133	Personaliti Individu	3(3+0)		SMK3113	Pengantar Bimbingan dan Kaunseling	3(3+0)	
COM3112	Bahasa Melayu Komunikasi	2(2+0)		SMK3303	Psikologi Sosial	3(3+0)	
	Ko Kurikulum	2(0+2)		SMK3213	Teori Kaunseling dan Psikoterapi	3(3+0)	
	Elektif	3(3+0)		MPU3182	Falsafah dan Cabaran semasa	2(2+0)	
MPU3152	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)		MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa (ANB)	2(2+0)	
	Jumlah	**17**			**Jumlah**	**19**	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
SMK3043	Psikologi Kesihatan	3(3+0)		SMK3033	Tingkah Laku Bilazim	3(3+0)	
SMK3254	Kemahiran Asas Kaunseling	4(4+0)		SMK3503	Kaunseling Kerjaya	3(3+0)	
SMK3263	Makmal Kaunseling Individu I	3(3+0)		SMK3434	Kaunseling Kelompok	4(4+0)	SMK3254, SMK3263
SMK4503	Maklumat Perkembangan Kerjaya	3(3+0)		SMK3413	Makmal Kaunseling Kelompok I	3(3+0)	SMK3263
SMK4303	Kaunseling Pelbagai Budaya	3(3+0)		SMK3713	Penyelidikan Kuantitatif	3(3+0)	
CCM3112	Santuni Komuniti	2(0+2)			Elektif	3(3+0)	
	Jumlah	**18**			**Jumlah**	**19**	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
SMK4203	Kaunseling Keluarga	3(3+0)		SMK3053	Psikologi Industri	3(3+0)	
SMK4804	Isu-isu Etika & Perundangan dalamKaunseling	4(4+0)		SMK3243	Kaunseling Personel	3(3+0)	
SMK4603	Appraisal dalam Kaunseling	3(3+0)		SMK3233	Kaunseling Penyalahgunaan Bahan	3(3+0)	
SMK3603	Pengenalan PengujianPsikologi	3(3+0)		SMK3274	Kaunseling Individu	4(4+0)	SMK3254, SMK3263
SMK4423	Makmal Kaunseling Kelompok II	3(3+0)	SMK3434, SMK3413	SMK4263	Makmal Kaunseling Individu II	3(3+0)	SMK3263
SMK3723	Penyelidikan Kualitatif	3(3+0)		SMK4983	PITA I	3(0+3)	
					ATAU		
				SMK3733	Projek Penyelidikan I	3(3+0)	
	Jumlah	**19**			**Jumlah**	**19**	

SEMESTER 7				SEMESTER 8			
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)		SMK4979	Internship	9(0+9)	Semua kursus Teras program
SMK4713	Perundingan Dalam Kaunseling	3(3+0)					
SMK4993	PITA II	3(0+3)					
	ATAU						
SMK3743	Projek Penyelidikan II	3(3+0)					
SMK3063	e-Kaunseling	3(3+0)					
SMK4313	kesukarelawanan	3(3+0)					
SMK4963	Praktikum Kaunseling	3(0+3)	SMK3123 SMK3213 SMK3274 SMK4263 SMK3434 SMK4423 SMK4503				
Jumlah		**18**		**Jumlah**		**9**	
JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 138							

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** dan kursus kepintaran buatan untuk pemula sebagai **syarat bergraduat**
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit elektif** yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan kursus elektif** yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
BACHELOR OF COUNSELLING WITH HONOURS
SESSION 2026/2027

SEMESTER 1				SEMESTER 2			
KOD	**KURSUS**	**JAM KREDIT**	**PRA SYARAT**	**KOD**	**KURSUS**	**JAM KREDIT**	**PRA SYARAT**
BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)		SMK3123	Developmental Psychology	3(3+0)	
SMK3143	Introduction to Psychology	3(3+0)		SMK3113	Introduction to Guidance and Counselling	3(3+0)	
SMK3133	Individual Personality	3(3+0)		SMK3303	Social Psychology	3(3+0)	
MPU3102	Elementary Malay Language	2(2+0)		SMK3213	Theory of Counselling and Psychotherapy	3(3+0)	
	Elective	2(0+2)		MPU3162	Malaysian Citra	2(2+0)	
	Elective	3(3+0)		CCXXXXX	Co-curriculum	2(0+2)	
MPU3152	Integrity and Anti-Corruption	2(2+0)		CCM3112	Community Care	2(2+0)	
	Jumlah	**18**			**Jumlah**	**18**	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
BBB3022	The Art of Public Speaking	2(2+0)		SMK3033	Abnormal Behavior	3(3+0)	
SMK3043	Health Psychology	3(3+0)		SMK3503	Career Counselling	3(3+0)	
SMK3254	Basic Counselling Skills	4(4+0)		SMK3434	Group Counselling	4(4+0)	SMK3263, SMK3254
SMK3263	Individual Counselling Lab I	3(3+0)		SMK3413	Group Counselling Lab I	3(3+0)	SMK3263
SMK4503	Career Development and Information	3(3+0)		SMK3713	Quantitative Research	3(3+0)	
SMK4303	Multicultural Counselling	3(3+0)			Elective	3(3+0)	
	Jumlah	**18**			**Jumlah**	**19**	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
SMK4203	Family Counselling	3(3+0)		SMK3053	Industrial Psychology	3(3+0)	
SMK4804	Ethical and Legal Issues in Counselling	4(4+0)		SMK3243	Personnel Counselling	3(3+0)	
SMK4603	Appraisal in Counselling	3(3+0)		SMK3233	Substance Abuse Counselling	3(3+0)	
SMK3603	Introduction to Psychological Testing	3(3+0)		SMK3274	Individual Counselling	4(4+0)	SMK3254, SMK3263
SMK4423	Group Counselling Lab II	3(3+0)	SMK3434, SMK3413	SMK4263	Individual Counselling Lab II	3(3+0)	SMK3263
SMK3723	Qualitative Research	3(3+0)		SMK4983	Final Year Project I	3(0+3)	
					OR		
				SMK3733	Research Project I	3(3+0)	
	Jumlah	**19**			**Jumlah**	**19**	
SEMESTER 7				**SEMESTER 8**			
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)		SMK4979	Internship	9(0+9)	All

SMK4713	Consultation in Counselling	3(3+0)					programme core courses
SMK4993	Final Year Project II	3(0+3)					
	OR						
SMK3743	Research Project II	3(3+0)					
SMK3063	e-Counselling	3(3+0)					
SMK4313	Volunteerism	3(3+0)					
SMK4963	Counselling Practicum	3(0+3)	SMK3123 SMK3213 SMK3274 SMK4263 SMK3434 SMK4423 SMK4503				
	Jumlah	**18**			**Jumlah**	**9**	
JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 138							

Notes:

1. Students are required to undertake the **Survival and Water Safety Program** and the Artificial Intelligent course for beginner as a **condition to graduate.**
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the number of elective credit hours set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the number of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.

SINOPSIS

Teras Program

SMK3033 Tingkah Laku Bilazim

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi pelajar pengetahuan dan pemahaman mengenai tingkah laku tidak normal, termasuk konsep asas, teori, dan pelbagai jenis neurosis serta psikosis. Kursus ini juga memfokuskan kepada diagnosis dan rawatan kecelaruan psikologi (kegelisahan, kecelaruan mood, kecelaruan makan dan tidur, disfungsi seksual). Pelajar akan didedahkan dengan teknik penilaian klinikal dan pendekatan rawatan terkini bagi pelbagai keadaan psikologi. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat memahami dan mengaplikasikan kaedah diagnosis serta terapi bagi kecelaruan psikologi.

SMK3043 Psikologi Kesihatan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pengenalan asas kepada bidang psikologi kesihatan, termasuk latar belakang sejarahnya dan asas-asas teori yang membentuk bidang ini. Ia meneroka hubungan antara faktor psikologi dan kesihatan fizikal, dengan memberi tumpuan kepada topik seperti stres, penyakit, serta kaedah pengukuran psikologi dan fisiologi. Kursus ini juga membincangkan bagaimana faktor psikologi mempengaruhi proses tubuh badan dan menekankan peranan penyesuaian diri dan sokongan sosial dalam membantu individu menguruskan stres dan mengekalkan kesejahteraan.

SMK3053 Psikologi Industri

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep asas psikologi industri dan memberi tumpuan kepada isu-isu berkaitan tingkah laku manusia dalam konteks pembangunan industri. Antara topik yang dibincangkan termasuklah analisis kerja, pemilihan pekerja, latihan, penilaian prestasi, motivasi, kepuasan kerja, tekanan, kepimpinan dalam organisasi, serta teori-teori psikologi yang relevan dalam konteks industri dan metodologi yang digunakan untuk meningkatkan produktiviti.

SMK3063 e-Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada konsep pendekatan digital/ dalam talian dalam profesion kaunseling. Pelajar akan memperoleh pemahaman tentang medium dalam talian dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling yang merangkumi program pencegahan dan perkembangan. Di penghujung kursus, pelajar akan menyediakan program pencegahan dan perkembangan dalam meningkatkan kualiti hidup manusia.

SMK3113 Pengantar Bimbingan dan Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan latar belakang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sejarah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kepentingan perkhidmatan menolong, pendekatan dan proses bimbingan dan kaunseling. Pada akhir kursus, pelajar dapat memahami falsafah dan konsep perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

SMK3123 Psikologi Perkembangan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan pemahaman tentang perkembangan manusia. Dalam kursus ini juga, pelajar-pelajar diperkenalkan dengan teori-teori berkaitan yang digunakan dalam bidang ini. Psikologi Perkembangan juga memfokus kepada ciri-ciri dan tugasan utama individu dalam setiap fasa kehidupan sepanjang hayat..

SMK3133 Personaliti Individu

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka konsep personaliti dari perspektif psikologi. Topik merangkumi teori-teori utama personaliti, jenis-jenis personaliti, faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan personaliti, serta strategi untuk memahami dan menangani pelbagai ciri personaliti. Kursus ini turut membincangkan cara meningkatkan keberkesanan fungsi personaliti individu dalam berinteraksi dengan masyarakat.

SMK3143 Pengantar Psikologi

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini fokus kepada konsep asas psikologi dalam memahami tingkah laku manusia. Pada akhir kursus ini, pelajar sepatutnya dapat memahami pengetahuan asas psikologi dan dapat menggunakannya dalam kehidupan seharian.

SMK3213 Teori Kaunseling Dan Psikoterapi

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan tentang pelbagai pendekatan berkaitan teori-teori kaunseling. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat mengenal pasti aspek-aspek utama setiap teori dan menunjukkan aplikasinya dalam memahami pengalaman kehidupan manusia.

SMK3233 Kaunseling Penyalahgunaan Bahan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada jenis-jenis dadah yang biasa digunakan, teori ketagihan, program-program pencegahan dan pemulihan dadah. Model kaunseling untuk penyalahgunaan bahan akan dibincangkan. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat menjelaskan isu dan cabaran utama penyalahgunaan bahan berdasarkan teori yang berkaitan , memahami bagaimana penyalahgunaan bahan memberi kesan kepada masyarakat masa kini dan mencadangkan intervensi kaunseling yang sesuai sebagai rawatan penyalahgunaan bahan.

SMK3243 Kaunseling Personel

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep-konsep utama dalam kaunseling tempat kerja. Pelbagai model kaunseling tempat kerja, isu-isu di tempat kerja, serta kemahiran penting yang diperlukan oleh kaunselor akan dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami dan mengamalkan kaunseling secara berkesan di tempat kerja.

SMK3254 Kemahiran Asas Kaunseling

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada proses menolong yang terdiri daripada peringkat dan juga mengintegrasikan kemahiran asas kaunseling yang merangkumi kemahiran melayan dan mendengar. Pelajar akan mempelajari cara mengaplikasikan kemahiran kaunseling dalam proses membantu berdasarkan isu klien.

SMK3263 Makmal Kaunseling Individu I

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pengalaman simulasi dalam kemahiran asas kaunseling yang memberi tumpuan kepada kemahiran-kemahiran asas kaunseling. Dengan memahami kemahiran kaunseling, pelajar akan dapat mengintegrasikan dan menggunakan kemahiran ini dalam makmal kaunseling. Proses ini membantu pelajar menjadi kaunselor yang efektif.

SMK3274 Kaunseling Individu

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : COU3205, COU3206

Kursus ini memberikan kefahaman berkenaan kemahiran kaunseling, teori dan teknik dalam proses kaunseling. Kursus ini juga melibatkan aplikasi konsep-konsep utama teori dan teknik dalam memahami isu klien berlandaskan prinsip etika.

SMK3303 Psikologi Sosial

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini fokus kepada pengetahuan psikologi sosial seperti persepsi, sikap, stereotaip, tarikan interpersonal, hubungan rapat, pengaruh sosial, tingkah laku prososial, dan agresif. Pelajar akan didedahkan kepada konsep/teori dalam psikologi sosial dalam memahami tingkah laku manusia dalam persekitaran sosial.

SMK3413 Makmal Kaunseling Kelompok I

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3206

Kursus ini membincangkan konsep, fungsi, interaksi kemahiran asas dalam kaunseling kelompok, dinamika kelompok, kepimpinan dan proses perkembangan semasa interaksi kaunseling kelompok.

SMK3434 Kaunseling Kelompok

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : COU3205, COU3206

Kursus ini membincangkan pelbagai konsep kaunseling kelompok yang merangkumi fungsi, proses, peringkat, dinamika kelompok dan kepimpinan. Aplikasi teknik berdasarkan pendekatan tertentu juga akan dibincangkan.

SMK3503 Kaunseling Kerjaya

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep utama dalam pelbagai teori kerjaya, model, proses, dan teknik dalam kaunseling kerjaya. Isu-isu berkaitan dengan kaunseling kerjaya juga akan dibincangkan.

SMK3603 Pengenalan Pengujian Psikologi

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip asas pengukuran piawai dalam bidang psikologi. Konsep asas statistik, norma dan pensampelan serta aspek kebolehpercayaan, kesahan, serta proses pembangunan instrumen seperti ujian kecerdasan, personaliti, dan lain-lain akan dibincangkan. Pada akhir kursus, pelajar akan memahami prinsip-prinsip ujian dan pengukuran serta mahir menggunakan alat pengukuran dan melaksanakan amalan penilaian dengan berkesan.

SMK3713 Penyelidikan Kuantitatif

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada konsep penyelidikan kuantitatif, reka bentuk dan teknik analisis statistik. Sepanjang kursus ini, pelajar akan mempelajari tentang pelbagai kaedah penyelidikan kuantitatif, pengumpulan data dan teknik analisis data. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan penggunaan perisian analisis statistik. Di akhir kursus ini, pelajar akan memperoleh kemahiran yang diperlukan dalam menjalankan penyelidikan kuantitatif secara beretika.

SMK3723 Penyelidikan Kualitatif

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengenalan asas penyelidikan kualitatif termasuk ciri-ciri, pendekatan utama seperti fenomenologi , teori beralas, etnografi dan kajian kes. Ia turut merangkumi isu etika, teknik pengumpulan data seperti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, serta penggunaan triangulasi untuk meningkatkan kesahan dapatan. Pelajar juga akan didedahkan kepada kaedah analisis data dan penulisan laporan mengikut gaya APA dan panduan penulisan tesis UMT.

SMK4203 Kaunseling Keluarga

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan konsep dinamik keluarga, teori kekeluargaan, prinsip dan teknik kaunseling keluarga, penilaian dan strategi menangani isu keluarga dan implikasi kepada kesejahteraan keluarga. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat mempelajari strategi, teori kaunseling keluarga dan aplikasinya dalam kehidupan sebenar.

SMK4263 Makmal Kaunseling Individu II

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3206

Kursus ini menekankan proses dan aplikasi teori dalam mengendalikan sesi kaunseling individu. Pelajar akan melalui pengalaman amali di dalam makmal kaunseling di mana mereka boleh mempraktikkan dan meningkatkan kemahiran mengkonsepsikan kes, penggunaan teknik kaunseling, profesionalisme dan kelakuan beretika.

SMK4303 Kaunseling Pelbagai Budaya

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberi tumpuan kepada kepelbagaian, cabaran dan isu budaya dalam kalangan klien dalam masyarakat termasuklah golongan minoriti. Kursus ini juga akan mengintegrasikan teori utama dalam kaunseling pelbagai budaya serta memperkenalkan konsep pembangunan identiti. Di samping itu, pelajar akan dapat mengetahui aspek-aspek penting untuk menjadi kaunselor pelbagai budaya yang cekap dan berkesan yang selaras dengan etika kaunseling.

SMK4313 Kesukarelawanan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini fokus kepada pengetahuan dan kemahiran kesukarelawanan. Ciri-ciri sukarelawan, organisasi dan kemahiran kesukarelawanan akan dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar sepatutnya dapat memahami konsep kesukarelawanan, kerja berpasukan dan kemahiran kesukarelawanan.

SMK4423 Makmal Kaunseling Kelompok II

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3403, COU3401

Kursus ini menekankan tentang aplikasi pelbagai teori dan teknik kaunseling dalam membantu memudahkan interaksi semasa proses kelompok. Pelajar akan menjalani pengalaman dalam makmal kaunseling kelompok di mana mereka boleh mempraktikkan dan meningkatkan kemahiran konseptualisasi kes, teknik kaunseling, tahap profesionalisme dan beretika.

SMK4503 Maklumat Perkembangan Kerjaya

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep pembangunan kerjaya dan maklumat kerjaya. Prosedur pengumpulan, penilaian, dan penyebaran maklumat kerjaya serta faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan kerjaya juga akan dibincangkan

SMK4603 Appraisal Dalam Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada pengetahuan tentang appraisal dalam kaunseling, dengan menekankan kepada peranan dan fungsi dalam proses appraisal tersebut. Kursus ini akan meneroka pelbagai alat ujian psikologi yang lazim digunakan dalam kaunseling. Prosedur pentadbiran, pemarkatan, dan pentafsiran ujian psikologi akan diberi perhatian. Isu-isu berkaitan dan pertimbangan etika yang berkaitan dengan proses appraisal juga akan dibincangkan.

SMK4713 Perundingan Dalam Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam perundingan dan kolaborasi. Pelajar akan mempelajari latar belakang sejarah, definisi, ciri-ciri dan kemahiran konsultan serta kolaborator yang berkesan. Pada akhir kursus ini, pelajar sepatutnya dapat menghuraikan proses perundingan dan kolaborasi, mengaplikasikan model perundingan dan kolaborasi yang sesuai, serta mengurus cabaran dalam pelbagai situasi.

SMK4804 Isu-Isu Etika dan Perundangan Kaunseling

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada isu etika dan perundangan dalam perkhidmatan kaunseling. Identiti profesional kaunselor, amalan beretika, kecekapan budaya, keadilan sosial, hak-hak klien, serta tanggungjawab kaunselor akan dibincangkan. Kerahsiaan dan komunikasi istimewa, kecekapan dan salah laku kaunselor, serta sempadan dalam hubungan kaunselor-klien juga akan dibincangkan.

SMK4963 Praktikum Kaunseling

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3102, COU3201, COU3207, COU4206, COU3403, COU4402, COU4500

Kursus ini memberi tumpuan kepada pengalaman klinikal yang disediakan untuk membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan secara profesional semasa pengajian mereka. Pelajar dikehendaki melengkapkan 96 jam sesi kaunseling meliputi sesi kaunseling individu, kaunseling kelompok serta sesi bimbingan dan kaunseling.

SMK4979 Internship

Jam Kredit : 9(0+9)

Prasyarat : Semua Kursus Teras Program

Kursus ini membolehkan pelajar mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran dalam sesi kaunseling dengan klien sebenar di organisasi. Internship adalah satu bentuk latihan klinikal yang diselia, yang membolehkan pelajar memahami, memperbaiki, dan mengukuhkan aplikasi pengetahuan dan kemahiran kaunseling dalam latihan profesional. Jam intership yang diperlukan terdiri daripada 192 jam sesi kaunseling bersama klien dan 720 jam organisasi.

SMK4983 Projek Ilmiah Tahun Akhir I (PITA I)

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan

untuk menjalankan penyelidikan dengan baik. Ia meliputi pengenalpastian aspek utama penyelidikan, termasuk penyelesaian masalah, hipotesis, dan objektif penyelidikan. Selain itu, kursus ini memberi tumpuan kepada tinjauan literatur, kepentingan kajian, implikasi dan metodologi penyelidikan. Ia juga menyediakan pelajar dengan kemahiran penulisan dan pembentangan akademik untuk memastikan mereka dapat menyampaikan dapatan mereka dengan berkesan.

SMK4993 Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA II)

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan projek penyelidikan yang telah dicadangkan pada semester sebelumnya. Penekanan akan diberikan kepada analisis data, pembentangan dapatan dan penulisan artikel.

SMK3733 Projek Penyelidikan I

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada menjalankan penyelidikan secara berkumpulan. Penyediaan cadangan penyelidikan, penulisan kajian kepustakaan, dan kaedah penyelidikan akan dilakukan melalui kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan. Pada akhir kursus, pelajar dijangka menghasilkan cadangan penyelidikan dan mereka dikehendaki mempertahankan cadangan penyelidikan tersebut semasa sesi temubual lisan. Kursus ini memperkenalkan asas penyelidikan kualitatif dan kuantitatif , termasuk etika penyelidikan , pembentukan masalah kajian, objektif, soalan kajian, hipotesis dan rangka kerja teori. Pelajar akan membina cadangan penyelidikan merangkumi ulasan literatur, reka bentuk kajian, persampelan , instrumen, serta ujian kesahan dan kebolehpercayaan. Kursus ini turut menekankan integrasi Bab 1, 2, dan 3 bagi menghasilkan cadangan penyelidikan yang lengkap dan mantap.

SMK3743 Projek Penyelidikan II

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka bentuk bagi membimbing pelajar dalam pelaksanaan penyelidikan berdasarkan cadangan yang telah dibangunkan. Pelajar akan didedahkan kepada pendekatan kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data, analisis, serta penulisan laporan. Kursus ini berakhir dengan penghasilan laporan penyelidikan lengkap dan pembentangan rasmi penemuan kajian. Penekanan diberikan kepada aplikasi praktikal kaedah penyelidikan, analisis kritikal terhadap data, serta komunikasi akademik yang berkesan.

SENARAI NAMA PENSYARAH

PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL	NO TELEFON
1	Dr. Raba'Aton Adawiah Mohd Yusof	Ketua Program / Pensyarah Universiti	adawiahyusof@umt.edu.my	09-6333756
2	Prof Madya Dr. Siti Salina Abdullah	Pengerusi Bidang Kaunseling / Pensyarah Universiti	ctsalina@umt.edu.my	096333743
3	Dr. Fazliyaton Binti Ramley	Pensyarah Universiti	fazliyaton@umt.edu. my	096334523
4	Dr. Jasmi Abu Talib	Pensyarah Universiti	jasbatrisyia2@umt.edu.my	096333119
5	Dr. Mazidah Mohd Dagang	Pensyarah Universiti	mazidah@umt.edu.my	096333755
6	Dr. Nor Ezdianie Omar	Pensyarah Universiti	ezdianie@umt.edu.my	096333118
7	Dr. Kamarul Md. Shah	Pensyarah Universiti	kamarul.shah@umt.edu.my	096334198
8	Dr. Zuhda Husain	Pensyarah Universiti	zuhda@umt.edu.my	096333279
9	Dr. Hazaila Hassan	Pensyarah Universiti	hazaila@umt.edu.my	096333814
10	Dr. Siti Balqis Md Nor	Pensyarah Universiti	sitibalqis@umt.edu.my	096333297
11	Dr Suhaili Arifin	Pensyarah Universiti	suhaili@umt.edu.my	096335061
12	Dr Nurul Atiqah Ab Raji	Pensyarah Universiti	atiqahraji@umt.edu.my	096334952
13	Dr Mohd Radhi Abu Shahim	Pensyarah Universiti	m.radhi@umt.edu.my	096333541
14	Dr Nurul Aini Mudayat	Pensyarah Universiti	nurulaini.mudayat@umt.edu.my	096333208
15	Dr Normadiyana Abdullah	Pensyarah Universiti	normadiyana.abdullah@umt.edu.my	096333203
16	Dr. Rozita Jayus	Pensyarah Universiti	rozitaj@umt.edu.my	096333218
17	Dr Anis Fatima Savugathali	Pensyarah Universiti	anis.fatima@umt.edu.my	096335165

HUBUNGI KAMI



Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

09 633 4222
fbesd@umt.edu.my
https://fbesd.umt.edu.my/
www.facebook.com/OfficialFBESD